

Menginstitutionalkan TPP

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dianggotai oleh dua belas negara telah dipersetujui di Atlanta, Amerika Syarikat (AS) pada Oktober, 2015 selepas melalui lima tahun rundingan. Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) terdiri dari 12 negara termasuk Malaysia bertujuan untuk mewujudkan satu kawasan perdagangan bebas (FTA). Lain-lain negara adalah Amerika Syarikat (AS), Australia, Brunei, Canada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam. Kesemua negara ini secara bersama menyumbang 40 peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK) dunia.

Setiap anggota bersetuju dengan kandungan perjanjian dan diberi masa dua tahun untuk disahkan. Permohonan Malaysia untuk pengecualian terhadap isu-isu tertentu telah di persetujui. Antara isu tersebut termasuklah berkaitan dengan isu bumiputera dan perolehan kerajaan. Setelah dibahaskan di Parlimen, TPPA telah diluluskan pada 27 Januari 2016. Seterusnya, TPPA ditandatangani di New Zealand pada 4 Februari 2016.

Walaupun, isu-isu serta buruk-baik TPPA ini telah banyak dibincangkan, namun tidak keterlaluan jika ianya terus dibincangkan. Lebih-lebih lagi ianya merupakan inisiatif terbesar di dalam sejarah untuk membentuk FTA yang merentangi dari timur ke barat dunia. Dalam pada itu, isu terbesar yang tidak menyebelahi penubuhan TPP adalah berkaitan dengan hak kedaulatan negara. Ada yang berpendapat bahawa TPP merupakan suatu penjajahan oleh kuasa ekonomi besar, terutama oleh AS, ke atas negara-negara kecil seperti Malaysia. Penjajahan bentuk moden ini berselindung di bawah perdagangan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Sejauh manakah kebenarannya bahawa kedaulatan negara akan tercabar dengan menyertai TPP? Persoalan ini amat besar dan tiada jawapan mudah untuk menyelesaikannya. Ianya perlu di rungkai dengan memahami objektif utama pembentukan FTA dan apakah kekangannya, jika ada. Malah yang lebih penting sekiranya kita memikirkan untuk meraih faedah maksimum menyertainya adalah memahami apakah faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian faedah maksimum tersebut.

Asas kepada inisiatif penubuhan FTA adalah untuk memaksimumkan faedah kepada seluruh komuniti melalui pengagihan sumber yang efisien di dalam semua negara yang terlibat. Ini bermakna setiap negara menumpukan kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang mereka mempunyai kelebihan bandingan, berdasarkan kos yang minimum. Kemudian negara-negara di dalam FTA tersebut berdagang sesama mereka tanpa sekatan, iaitu tarif sifar.

Pada asasnya, inilah tujuan asal penubuhan FTA. Malah, ianya bermula dengan inisiatif yang lebih besar dan bercita-cita tinggi dengan penubuhan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). WTO secara umumnya cuba mewujudkan satu dunia sebagai FTA. Segala sekatan perdagangan ingin dihapuskan dan seluruh komuniti dunia akan mendapat manfaat daripada perdagangan bebas melalui pengagihan sumber yang efisien. Menggapai matlamat WTO bukannya mudah kerana pertamanya, perbezaan tahap pembangunan ekonomi antara negara perlu “diselaraskan”.

Urutan dari kepayahan untuk merealisasikan WTO adalah penubuhan FTA wilayah yang merupakan persepakatan multilateral, seperti TPP. FTA wilayah ini mempunyai matlamat yang sama seperti WTO tetapi bersekala lebih kecil, maka lebih senang diuruskan. Selain dari TPP, terdapat pelbagai FTA wilayah yang telah beroperasi seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan seumpamanya. Apakah perbezaan di antara lain-lain FTA seperti AFTA dan TPP?

Perbezaan utama di antara AFTA, yang mana Malaysia juga menjadi ahli, dan TPP adalah dari segi skop kerjasama yang terlibat. AFTA memfokuskan semata-mata kepada mewujudkan FTA dengan menghapuskan segala halangan, sama ada yang

berbentuk tarif atau bukan tarif. Halangan bukan tarif sebagai contoh adalah segala prosedur yang menyusahkan proses perdagangan melampaui sempadan.

Sebaliknya TPP merupakan suatu persepakatan yang komprehensif bukan sahaja untuk memudahkan perdagangan dengan menghapuskan halangan tarif dan bukan tarif, tetapi juga turut meliputi penyeragaman piawaian atau standard segala proses yang berkaitan dengan perdagangan. Ini bermakna ianya merangkumi segala proses seperti pengeluaran, pelaburan, pengagihan dan sebagainya di samping proses perdagangan melepasi sempadan itu sendiri.

Ini bermakna segala peraturan dan undang-undang perlu diseragamkan, seperti berkaitan dengan buruh, persaingan dan sebagainya. Dengan kata lain, sebelum terlibat dengan proses perdagangan, “padang untuk bersaing mestilah sama rata”. Pengeluar di Malaysia dan pengeluar di Amerika Syarikat (AS) mestilah menghadapi undang-undang dan peraturan yang sama. Bukan itu sahaja, semua pasaran adalah terbuka kepada warganegara TPP. Contohnya, pelabur dari AS boleh melabur di Malaysia tanpa diskriminasi dan sebaliknya pelabur Malaysia juga berpeluang melabur di AS. Dengan ringkasnya, kuasa persaingan yang akhirnya menentukan pemenang berdasarkan konsep kecekapan.

Skop TPP yang komprehensif inilah yang menyebabkan ianya menghadapi tentangan yang getir dari sesetengah kumpulan, bukan sahaja di Malaysia malahan juga di negara-negara lain yang terlibat. Malah, ianya menghadapi tentangan yang hebat di AS sendiri, yang mempelopori penubuhan TPP. Hujah utama dari golongan yang menentang TPP adalah ketidakwajaran mengenakan standard yang sama di semua negara kerana perbezaan taraf pencapaian ekonomi setiap negara. Perjanjian perdagangan seharusnya menumpukan kepada perdagangan sahaja, seperti AFTA.

Golongan yang menentang TPP berpandangan bahawa perjanjian yang komprehensif ini adalah merupakan suatu dasar merkantilism yang mana kuasa ekonomi besar akan menekan ekonomi kecil. Mengikut pandangan ini, kedaulatan negara akan di kompromi dan ini merupakan suatu penjajahan ekonomi. Dasar merkantilism inilah yang menghidupkan era penjajahan yang mana Malaysia baru bebas kira-kira 60 tahun lepas. Cuma bezanya, kita mempunyai pilihan menerima atau menolak TPP.

Sejauh mana kebenaran pandangan yang menentang TPP berteraskan dasar merkantilism tersebut? Jawapan ringkasnya, TPP mempunyai buruk dan baiknya. Bagaimana kita bermain setelah menganggotainya menentukan buruk atau baiknya. Tiada jalan mudah. Jika tidak menganggotainya, kita tidak mempunyai peluang langsung untuk meraih kebaikannya. Oleh itu, penumpuan utama adalah untuk meraih kebaikannya setelah menganggotainya. Sebagai analogi, untuk membentuk pasukan bola sepak yang baik kita perlu menyertai liga yang ternama. Sudah tentu persaingan adalah getir di dalam liga ternama ini. Namun jika kita memilih untuk tidak menyertai liga ini, sudah tentu pemain-pemain yang baik tidak dapat dibentuk.

Berdasarkan analogi bola sepak tersebut, yang lebih penting adalah untuk membentuk pemain. Seorang pemain yang baik berdasarkan standard liga ternama akan baik di mana-mana sahaja. Justeru, untuk meraih kebaikan di dalam TPP, kita perlu meningkatkan daya saing. Untuk meningkatkan daya saing, segala proses dari pengeluaran hinggalah ke peringkat penjualan produk mestilah efisien. Segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan adalah berdasarkan standard yang tinggi, yang akan menggalakkan kecekapan.

Oleh itu tugas utama kita adalah untuk melalui proses reformasi pasaran, sama ada pasaran barangan dan perkhidmatan atau pasaran faktor pengeluaran, termasuk buruh dan modal. Segala undang-undang dan peraturan mestilah diperbaiki dan lebih penting dipatuhi. Pematuhan inilah yang akan meningkatkan daya saing. Kemampuan bersaing di pasaran terbuka ini bermakna kita mempunyai daya saing yang tinggi, yang merupakan kemenangan mutlak.

Berdasarkan kepada prinsip ini, sebenarnya faktor penggaris yang akan memenangkan kita di dalam persaingan global adalah peningkatan kecekapan di dalam pasaran dan pembentukan disiplin untuk mematuhi segala undang-undang dan peraturan. Pembentukan disiplin ini pula perlu di institusikan sehingga mampu membentuk satu budaya.

Atas dasar ini, sebenarnya tiada perbezaan sama ada menganggotai TPP atau tidak jika kita sudah meningkatkan daya saing ke tahap tertinggi. Umpama pemain bola yang sudah mempunyai keupayaan tertinggi setelah berkecimpung di dalam liga ternama

akan mampu bermain dan bersaing di mana-mana sahaja. Oleh itu, tugas utama kita adalah pembentukan institusi yang mampu meningkatkan daya saing. Atas alasan tersebut, kebaikan menganggotai TPP adalah ianya membentuk landasan untuk pembinaan institusi yang mampu meningkatkan kita ke tahap standard tertinggi. Tanpa TPP mungkin kita tidak mempunyai disiplin yang tinggi untuk mengambil inisiatif tersebut.